



14 Mei 2009 (Khamis)

Sabah & Sarawak: RM646 juta bangunkan luar bandar

Oleh Abdul Rahman Adam bhnews@bharian.com.my

3,000 unit kediaman untuk penduduk miskin tegar dibina di Sarawak

KUCHING: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memperuntukkan lebih RM646 juta bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan di kawasan luar bandar dan pedalaman seluruh Sarawak sepanjang tahun ini. Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Joseph Entulu Belaun, berkata jumlah berkenaan adalah sebahagian daripada peruntukan RM2.159 bilion yang diterima oleh kementerian bagi melaksanakan projek pembangunan di seluruh negeri ini. Bagaimanapun, katanya, peruntukan ini tidak termasuk yang diterima Majlis Amanah Rakyat (Mara) berikutan agensi itu baru diletakkan di bawah kementeriannya.

"Saya tidak boleh sewenang-wenangnya memberi maklumat terperinci berkaitan jumlah yang akan diterima Mara kerana ia masih pada peringkat perbincangan. "Mara baru saja diletakkan di bawah kementerian ini dengan kami perlu meneliti maklumat lanjut mengenainya sebelum wang peruntukan diserahkan kepada mereka," katanya ketika sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Projek Pembangunan di Seluruh Sarawak bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) di sini, semalam.

Antara projek utama yang akan dilaksana pada tahun ini ialah projek bantuan rumah termasuk rumah panjang bagi penduduk miskin tegar membabitkan pembinaan kira-kira 3,000 unit kediaman. Joseph berkata, pihaknya memperuntukkan RM103 juta bagi tujuan itu dengan pihak kontraktor sudah dilantik bagi menyiapkan projek berkenaan secepat mungkin. "Peruntukan itu diharapkan dapat membantu mengatasi masalah penduduk miskin tegar khususnya dalam memperbaiki kembali rumah mereka yang uzur termasuk penduduk miskin di rumah panjang seperti yang dirancang dalam RMK9. "Kita akan cuba melaksanakan projek berkenaan dengan kadar segera sebagai langkah membantu masyarakat miskin daripada terus terpinggir sekali gus meningkatkan kualiti hidup terutama daripada aspek tempat tinggal," katanya.

Mengulas mengenai kewujudan beberapa projek di bawah kementeriannya yang tertangguh, Joseph berkata, masalah itu akan dapat diatasi berdasarkan pemantauan sedia ada dengan pihaknya yakin ia akan dapat disiapkan selewat-lewatnya penghujung tahun depan. Beliau berkata, kebanyakan projek lewat siap di negeri ini adalah seperti pembinaan jalan raya di luar bandar dan beberapa projek pembangunan lain yang hanya membabitkan jumlah yang kecil

15 Mei 2009 (Jumaat)

200,000 kakitangan awam naik gaji

PUTRAJAYA: Lebih 200,000 kakitangan awam mendapat durian runtuh apabila kerajaan bersetuju memberi kenaikan pangkat Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi pegawai kumpulan sokongan yang berkhidmat lebih 15 tahun serta menggubal dua skim baru dan menaik taraf lapan skim perkhidmatan, mulai 1 Julai ini. Kenaikan pangkat secara KUP itu turut meliputi kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan, manakala skim baru membabitkan Pegawai Penyediaan Makanan dan Pembantu Laut. Lapan skim perkhidmatan yang akan dinaik taraf pula termasuk Operator Mesin Prosesan Data, Pembantu Tadbir Rendah dan Jaga. Mengumumkannya pada Perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam di sini semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata langkah itu sebagai penghargaan kerajaan terhadap sumbangan kakitangan awam selama ini.

Beliau berkata, 176,066 pegawai kumpulan sokongan dalam perkhidmatan Persekutuan yang berkhidmat lebih 15 tahun akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat secara KUP, manakala 20,637 lagi penjawat awam terbabit dalam pelaksanaan dua skim baru dan lapan skim yang akan dinaik taraf. "Keputusan kerajaan ini akan membabitkan kos sebanyak RM170.4 juta," katanya pada majlis anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs). Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta menteri Kabinet dan Presiden Cuepacs, Omar Osman.

Sementara itu, surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam menjelaskan, kenaikan pangkat secara KUP itu turut diperluaskan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan. "Bagaimanapun, keputusan ini tidak menjejaskan urusan kenaikan pangkat bagi mengisi kekosongan hakiki yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan," katanya.

Ismail berkata, kenaikan pangkat bagi kumpulan berkenaan juga mempunyai lima syarat lain termasuk memperoleh markah 80 peratus ke atas bagi Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga tahun terkini serta lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK). Bagaimanapun, kenaikan pangkat itu tidak membabitkan pegawai dalam Skim Lulusan Diploma yang mempunyai kaedah kenaikan pangkat lain. Terdahulu, Perdana Menteri dalam ucapannya, mahu kakitangan awam menumpukan usaha meningkatkan produktiviti berasaskan inovasi dan ekonomi pengetahuan, sekali gus mampu menambah hasil negara.

Beliau berkata peningkatan hasil negara juga membolehkan pendapatan pekerja ditingkatkan secara lonjakan berganda. "Saya bukanlah orang yang tidak prihatin terhadap pekerja. Rekod saya selama ini di Kementerian Pertahanan, tanyalah perajurit kita. Di Kementerian Pelajaran, tanyalah guru-guru apa yang saya telah buat, tak pernah dalam sejarah ada kenaikan pangkat berasaskan tempoh. "Sayalah orang pertama memperkenalkan 'time-based promotion'.

Bermakna kita sentiasa (memikirkan) bagaimana untuk mempertingkatkan (pendapatan) tetapi pokoknya, produktiviti dan hasil negara juga mesti ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan boleh menjadi popular jika menaikkan gaji kakitangan awam setiap tahun, tetapi langkah itu tidak boleh dilakukan. "Bagaimanapun, jika hasil negara meningkat, kerajaan tentu tidak akan melupakan pekerja. Cuepacs minta (kenaikan gaji), pejam mata pun saya boleh luluskan, tak payah dia nak lambung (puji) saya katakan saya Perdana menteri yang segar dan ceria," katanya berseloroh.

Perdana Menteri juga berkata, penjawat awam dan anggota pentadbiran perlu bekerjasama secara dua hala dengan masing-masing saling menjaga kepentingan. "Kita perlu melihat keseluruhan hala tuju negara dan perlu sama-sama faham. Kerajaan perlu faham denyutan nadi rakyat," katanya.

15 Mei 2009 (Jumaat)

Sabah & Sarawak: Tekun lulus RM51.2j bantu 11,630 usahawan, peniaga

Laporan Misiah Taib dan Hifzuddin Ikhsan misiah@bharian.com.my

Kurangkan caj khidmat empat peratus tangani kemelesetan

TABUNG Tekun Nasional (Tekun) meluluskan pembiayaan berjumlah RM51.2 juta kepada 11,630 usahawan dan peniaga kecil di Sarawak sehingga 31 Mac lalu. Menteri Muda Pembangunan Usahawan, Mohd Naroden Majais, berkata aktiviti perniagaan yang dibiayai Tekun ialah perdagangan dan peruncitan, perkhidmatan pengangkutan dan pembekalan, pembuatan, pemborongan, pertanian dan asas tani, penternakan, kontrak kecil dan perikanan. Katanya, berikutan kegawatan ekonomi yang melanda dunia dan negara, Tekun terus berusaha memastikan peminjam yang terjejas teruk mendapat khidmat sokongan.

"Antara langkah yang diambil ialah mengurangkan kadar caj perkhidmatan pembiayaan. Mulai Ogos tahun lalu kadar caj perkhidmatan pembiayaan Tekun diturunkan daripada 8 peratus kepada 4 peratus. "Pengurangan kadar caj perkhidmatan ini akan mengurangkan beban usahawan untuk membayar balik dan seterusnya mendapat lebih pendapatan daripada perniagaan mereka," katanya ketika menjawab soalan Joseph Mauh Ikeh (BN-Tamin), semalam.

Naroden berkata, Tekun juga menyediakan pinjaman antara RM500 hingga RM50,000 tanpa penjamin atau kolateral. Ini bertujuan memudahkan usahawan dan bakal usahawan mendapatkan modal perniagaan bagi memulakan atau memperbesarkan perniagaan mereka. Selain itu, katanya, bagi menyediakan keperluan usahawan untuk mendapatkan modal tambahan akibat peningkatan kos perniagaan, Tekun juga turut menyediakan pembiayaan tambahan kepada usahawan yang mempunyai rekod bayaran yang baik.

"Pembiayaan baru ini sebahagiannya digunakan untuk melunaskan baki pembiayaan sedia ada dan selebihnya digunakan bagi membiayai keperluan perniagaan semasa. "Tempoh bayaran balik pinjaman juga dipanjangkan berikutan kemampuan usahawan untuk membayar balik terjejas akibat kenaikan kos perniagaan dan pengurangan permintaan berikutan krisis ekonomi," katanya.

15 Mei 2009 (Jumaat)

Sabah & Sarawak: Lapan kawasan dikenal pasti berpotensi jadi estet padi

LAPAN kawasan yang berpotensi dibangunkan sebagai estet tanaman padi berskala besar sudah dikenal pasti di Sarawak, dengan pembangunan di tiga kawasan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata tiga kawasan terbabit ialah Paloh, Pulau Bruit dan Sungai Sebelak. Beliau yang juga Menteri Pemodenan Pertanian berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sudah memperuntukkan sejumlah RM35.4 juta untuk membina infrastruktur pengairan dan saliran di tiga kawasan berkenaan. "Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga sudah meluluskan dua lagi kawasan di Batang Lupar, Sri Aman untuk tanaman padi berskala besar. "Kawasan terbabit ialah Lingga-Banting dengan keluasan 2,200 hektar dan Bijat-Stumbin dengan keluasan 2,900 hektar," katanya pada hari keempat sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam.

Beliau menjawab soalan Abdul Karim Rahman Hamzah (BN-Asajaya) yang bertanyakan perkembangan estet padi yang diluluskan Kerajaan Pusat untuk Sarawak. Chan berkata, bagi Banting-Lingga, sejumlah RM3.9 juta diperuntukkan bagi memperbaiki dan menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran di skim Banting sedia ada, selain untuk kerja reka bentuk baru sistem infrastruktur di kawasan baru Lingga-Banting. Bagi Sumbin-Bijat pula, sejumlah RM13.5 juta diperuntukkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membina kemudahan infrastruktur sama, dengan perunding akan dilantik tidak lama lagi.

15 Mei (Jumaat)

LPK benar pengerusi dapat nasihat undang-undang

PELABUHAN KLANG: Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dalam mesyuarat tergempar semalam, membenarkan pengerusinya mendapatkan nasihat undang-undang membabitkan cadangan memperoleh surat pelepasan daripada bertanggungjawab (letter of indemnity) jika terdapat kecuai dalam laporan disediakan juruaudit projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Pengerusi LPK, Datuk Lee Hwa Beng, berkata ahli lembaga pengarah pihak berkuasa pelabuhan itu membincangkan syarat berkenaan terhadap juruaudit PricewaterhouseCoopers (PwC) Advisory Services Sdn Bhd untuk memperoleh laporan audit berhubung projek itu. Katanya, juruaudit itu meminta satu surat pelepasan daripada bertanggungjawab untuk melindungi mereka yang terbabit dalam menyediakan laporan itu.

"Pada mulanya, saya mahu menyegerakan proses ini melalui pekeliling resolusi tetapi beberapa ahli lembaga pengarah berpendapat satu mesyuarat ahli lembaga pengarah perlu diadakan. "Saya yakin isu teknikal ini boleh diselesaikan dalam jangka pendek. Kami di LPK akan terus melakukan apa yang perlu sebelum mengeluarkan laporan audit itu kepada umum," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Lee berkata, beliau akan mendapatkan nasihat undang-undang daripada sebuah syarikat guaman minggu depan mengenai isu itu dan laporan berkenaan akan didedahkan secepat mungkin sebaik peguam mengeluarkan surat pelepasan daripada bertanggungjawab. LPK diarahkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat untuk mengemukakan laporan berkenaan Rabu lalu, tetapi sehingga semalam pihak berkuasa pelabuhan itu gagal mendedahkan laporan audit membabitkan projek yang dikaitkan dengan kontroversi itu. PKFZ yang dimiliki LPK, dibangunkan untuk menjadi hab serantau bagi eksport dan pindah kapal barangan perkilangan membabitkan kos RM1.85 bilion.

15 Mei 2009 (Jumaat)

Minda Pengarang: Kerajaan tidak abai nasib pegawai kumpulan sokongan

KAKITANGAN awam sekali lagi mendapat perkhabaran gembira apabila kerajaan semalam mengumumkan kira-kira 176,066 pegawai kumpulan sokongan bagi perkhidmatan Persekutuan yang berkhidmat lebih 15 tahun dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) mulai 1 Julai ini. Pengumuman itu yang memang dinantikan oleh lebih 100,000 kakitangan dalam kumpulan terbabit sejak beberapa tahun lalu, sudah pasti menyuntik semangat baru kepada mereka. Kita tahu, sesetengah daripada kumpulan sokongan berkenaan sudah lama berkhidmat tetapi tidak merasai kenaikan pangkat berikutan had kategori jawatan mereka. Ada di antara mereka sudah berkhidmat dalam gred sama antara 20 hingga 30 tahun, tetapi sukar atau tidak boleh dinaikkan pangkat kerana jawatan yang disandang bukan jawatan kenaikan pangkat, kecualilah mereka melanjutkan pelajaran dan kemudian perlu memohon jawatan lebih tinggi yang sesuai dengan kelayakan akademik. Kita percaya keputusan itu akan turut diperluaskan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan. Kumpulan sokongan adalah tulang belakang perkhidmatan awam yang nasib mereka sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan selama ini. Antara faedah kepada penjawat awam termasuk pegawai kumpulan sokongan sebelum ini ialah kenaikan gaji 35 peratus pada 2007, lanjutan umur persaraan daripada 56 ke 58 tahun, kadar kiraan pencen dipinda daripada 50 peratus gaji terakhir bagi perkhidmatan 25

tahun ke atas kepada 70 peratus gaji terakhir untuk perkhidmatan 30 tahun, Skim Elaun Kritikal sebanyak 10 peratus daripada gaji pokok, pencen terbitan iaitu kadar pencen susut 30 peratus selepas 12 setengah tahun bersara dipinda kepada pencen 100 peratus tanpa susut sehingga meninggal dunia dan diwarisi isteri atau anak.

Malah, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diberi opsyen menjadi skim pencen kepada mereka selain cuti berbayar dinaikkan daripada 120 hari kepada 150 hari. Ini adalah satu penghargaan kepada khidmat cemerlang kakitangan awam selama ini serta membuktikan keprihatinan kerajaan meskipun berdepan keadaan ekonomi yang agak muram sekarang ini. Sebenarnya, gaji terendah kakitangan awam kini sudah mencecah RM649.15 sebulan berbanding RM480.85 sebulan sebelum ini, manakala pendapatan terendah dicampur elaun tetap lain ialah RM1,024.15 sebulan berbanding RM805.85 sebulan. Kita berharap keadaan itu akan turut menggalakkan pekerja sektor swasta, yang sesetengahnya kini terpaksa diberhentikan kerana tekanan keadaan ekonomi semasa untuk menyertai perkhidmatan awam seperti dikehendaki Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Apa yang perlu dilakukan sekarang ialah kakitangan awam bukan saja perlu bersyukur dan berterima kasih, malah terus memberi khidmat yang sebaik mungkin. Bagi meningkatkan keupayaan mereka, setiap kementerian dan jabatan juga perlu memberi latihan semula kepada mereka seperti dilakukan majikan sektor swasta bagi mencapai nilai tambah ekonomi yang tinggi dalam situasi ekonomi yang agak lembap.

16 Mei 2009 (Sabtu)

Sentral: Dua projek mega atasi kesesakan di ibu kota

Oleh Zulhilmi Hat hilmi@bharian.com.my



RAJA Nong Chik (kiri) dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail (dua dari kiri) melihat lakaran pelan tapak projek di Kuala Lumpur

Penyuraian trafik, persimpangan bertingkat babit kos RM193.7j

KUALA LUMPUR: Pengguna jalan raya mungkin boleh menarik nafas lega selepas ini apabila Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan dua projek mega untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di sekitar ibu negara. Kedua-dua projek menelan belanja RM193.7 juta yang dijadualkan bermula Jun ini dan dijangka siap 2011 adalah untuk kemudahan dan penyelesaian masalah trafik ketika waktu puncak. Projek pertama yang dikenali Cadangan Skim Penyuraian Trafik Untuk Pembangunan KL Sentral akan menumpukan pembinaan seperti jejambat persimpangan jalan Travers-Bangsar;

pembinaan 'ramp' jalan Bangsar-Jalan Maarof; pembinaan jejantas kawasan Brickfields dan KL Sentral serta menaik taraf jalan persekitarannya.

Projek kedua iaitu pembinaan persimpangan bertingkat jalan Pudu, Jalan Imbi dan Jalan Hang Tuah akan dilakukan yang turut membuat penambahan lima lorong jalan bawah tanah menghala-balik di Hentian Puduraya, membina tiga jejantas kemudahan pejalan kaki dan menaik taraf jalan berhampiran. Menterinya, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata menyedari pembangunan pesat dan pertambahan bilangan kenderaan di kawasan berkenaan, kerajaan segera melaksanakan langkah proaktif menaik taraf jalan dan membina jejambat persimpangan terbabit untuk mengurangkan kesesakan trafik.

"Dua projek berkenaan sudah diluluskan dan pelantikan kontraktor sudah dibuat untuk tempoh siapnya selama dua tahun dari sekarang. "Segala langkah pelaksanaannya sudah diteliti dengan hasil kerjasama antara kementerian ini dan DBKL," katanya pada sidang media selepas melawat dua tapak cadangan berkenaan di sini, kelmarin. Katanya, cadangan kedua-dua projek terbabit akan dilaksanakan secara berperingkat untuk mengatasi kesan kesesakan daripada pembinaan itu. "Bagi pengguna jalan raya yang melalui di kawasan berkenaan tidak perlu bimbang kerana langkah pembesaran jalan dan lencongan untuk ke kawasan berdekatan akan dilakukan untuk mengatasi masalah itu. "Oleh itu, pengguna jalan raya hanya perlu mengikuti papan tanda yang menunjukkan jalan atau lencongan ke destinasi yang akan ditujui ," katanya.

Ketika ditanya mengenai masalah bantahan orang ramai yang mungkin timbul daripada pelaksanaan projek berkenaan, Raja Nong Chik berkata, masalah terbabit tidak mungkin berlaku susulan beberapa langkah menambah baik jalan sudah dibuat dalam projek itu.

16 Mei 2009 (Sabtu)

Sentral: Kajian penuh projek rumah golongan miskin

Oleh Rafidah Mat Ruzki fidahruzki@bharian.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor akan melakukan kajian menyeluruh sebelum melaksanakan projek perumahan yang mampu membantu keluarga berpendapatan rendah, pesara dan orang kurang upaya memiliki kediaman bersesuaian kehendak mereka. Cadangan itu timbul selepas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, melawat beberapa projek perumahan yang diusahakan sebuah kumpulan bukan berasaskan untung Mid-Peninsula Housing Coalition (MPHC) di San Metro County, Pablo Alto dan San Jose, California, Amerika Syarikat.

Sekretariat Akhbar di Pejabat Menteri Besar, memberitahu, Abdul Khalid ketika lawatan itu turut menerima taklimat daripada Presiden dan Pengasas MPHC, Fran Wagstaff mengenai usaha badan itu membantu mewujudkan keperluan perumahan bagi golongan terbabit. "Hasil taklimat dan lawatan ini, kerajaan Selangor diminta segera melakukan kajian menyeluruh

mengenai kemungkinan melaksanakan projek seperti MPHC bagi mempercepat usaha pembinaan rumah yang sesuai dengan kehendak bakal pembeli di Selangor," katanya.

Abdul Khalid berada di California untuk melawat Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menjalani pembedahan jantung pada 2 Mei lalu. Beliau dengan bantuan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida), turut mengadakan perjumpaan dengan kumpulan industri di Lembah Silikon serta melawat pusat inkubator swasta yang membantu operasi di Lembah Silikon, Plug and Play Tech Centre. Pusat inkubator itu membantu menyediakan kawasan, bantuan teknologi dan peluang pelaburan. "Beliau juga berpeluang menemui Novus Incorporate dan mengadakan perbincangan mengenai kemungkinan mendapatkan bantuan organisasi itu bagi syarikat semikonduktor yang beroperasi di Selangor dan Pulau Pinang," katanya.

16 Mei 2009 (Sabtu)

Rencana - Minda Pengarang: Kenaikan kos di luar kawalan Tabung Haji

KRISIS kegawatan ekonomi global sudah masuk tahun kedua. Ketika krisis itu mula melanda tahun lalu, ada umat Islam di beberapa negara gagal menunaikan haji kerana kos yang meningkat secara mendadak. Bagaimanapun, bagi 27,000 jemaah haji kita yang menunaikan haji tahun lalu, mereka bernasib baik kerana kos mengerjakan haji tidak dinaikkan, bukan kerana Malaysia tidak terheret oleh fenomena global itu, tetapi berikutan kesediaan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menanggung kos tambahan sebanyak RM2,350 bagi setiap jemaah. Tabung Haji memperuntukkan lebih RM75 juta daripada keuntungan pada tahun sebelumnya untuk menampung kos kenaikan tambang, penginapan dan makanan yang tidak dapat dielakkan. Pada 2007, Tabung Haji hanya membelanjakan RM36 juta sebagai bantuan menampung kekurangan perbelanjaan, termasuk membiayai kos kenaikan tambang jemaah akibat kenaikan harga minyak serta sewa penginapan yang tinggi. Tetapi bagi musim haji tahun ini, Tabung Haji terpaksa menaikkan juga kos berkenaan kepada RM9,980 seorang. Seperti dijelaskan oleh Tabung Haji dalam satu kenyataannya semalam, kenaikan minimum itu tidak dapat dielakkan berikutan peningkatan pelbagai kos, khususnya kos penginapan di Tanah Suci akibat kekurangan tempat penginapan disebabkan kerja-kerja pembesaran di sekitar Masjidil Haram yang menyebabkan beberapa hotel dan rumah penginapan bagi jemaah haji terpaksa dirobohkan. Keadaan ini menyebabkan kekurangan jumlah katil di kawasan berhampiran masjid, sekali gus menyebabkan harga bilik hotel di kawasan berkenaan meningkat. Kali terakhir kos menunaikan haji dinaikkan adalah pada 2002 iaitu dari RM8,585 kepada RM9,445. Bagaimanapun, pada musim haji 2004, bayaran haji itu dikurangkan lima peratus dan sejak itu jemaah haji kita hanya dikenakan RM8,973 saja.

Apapun, kita harus bersyukur kerana kesediaan serta pengorbanan Tabung Haji selama ini yang sanggup menyerap kenaikan kos dalam usaha untuk tidak menyebabkan kos mengerjakan haji terus meningkat. Sebagai contoh, bagi tahun ini saja anggaran kos haji bagi setiap jemaah

adalah RM12,600. Ini bermakna, Tabung Haji perlu menampung sekurang-kurangnya RM70 juta bagi membolehkan bakal haji hanya membayar kos seperti ditetapkan, sekali gus mengurangkan beban mereka. Kita juga perlu menyedari bahawa Tabung Haji pada masa yang sama perlu menyediakan pelbagai kemudahan untuk keselesaan jemaah haji sama ada di Malaysia atau ketika di Arab Saudi, selain menanggung kos berkaitan persediaan jemaah haji sebelum menunaikan ibadat haji seperti bayaran penganjuran kursus haji bersiri, intensif dan perdana serta penyediaan buku panduan haji dan kos penghantaran petugas haji. Apa yang kita harapkan ialah Tabung Haji dapat terus berusaha menangani peningkatan kos ini, di samping meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada jemaah. Kita juga amat berharap Tabung Haji dapat mengkaji semula kos menunaikan haji ini untuk musim akan datang dan mengurangkannya jika keadaan semasa mengizinkan. Walaupun bayaran haji pada tahun ini meningkat, kita menyedari secara puratanya bayaran yang dikenakan kepada jemaah haji kita masih lagi yang terendah jika dibandingkan dengan kos yang perlu dibayar oleh jemaah dari negara lain di rantau ini.

18 Mei 2009 (Isnin)

Pertanian tetap jadi sektor utama negara

MUAR: Kelembapan ekonomi tidak menghalang kerajaan meneruskan tumpuan kepada kegiatan yang dapat menambah pendapatan rakyat, terutama dalam sektor pertanian yang menjadi antara bidang tumpuan negara. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan sentiasa menumpukan kepada sektor pertanian bagi memastikannya terus berkembang, walaupun dalam suasana kelembapan ekonomi pada masa kini. "Dalam situasi ekonomi lembap, kita tahu antara bidang yang kita mahir ialah pertanian, jadi kita mahu ia terus ditingkatkan kerana berpotensi besar," katanya selepas majlis perjumpaan dengan masyarakat India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Palniappa di sini, semalam.

Dalam rangka lawatan ke kawasan Parlimen Pagoh itu, beliau turut melawat Pusat Ternakan Lembu dan Kambing di Padang Ragut Lubuk Bakul serta mengadakan perjumpaan dengan masyarakat Cina di Kampung Teratai, selain menyampaikan bantuan kepada mangsa ribut di Kampung Baharu, Lenga. Sementara itu, Muhyiddin juga meminta semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) memberi tumpuan kepada masalah rakyat supaya parti menjadi entiti yang memahami dan dapat merasai sendiri 'denyut nadi dan jantung rakyat'. Katanya, masalah yang menjadi fokus utama perhatian rakyat ialah mengenai mencari pendapatan dan kemudahan yang diperlukan dan BN perlu memberi perhatian mengenainya. "Masalah rakyat ialah soal kehidupan, soal kesulitan, pekerjaan dan kemudahan diperlukan. Saya meminta parti dalam BN memberi tumpuan mengenai perkara itu supaya kita dilihat parti yang faham dan dapat merasai denyut nadi jantung rakyat," katanya.

Mengenai kemelut dalam Parti Progresif Penduduk (PPP) yang menyebabkan Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk T Murugiah dan enam lagi dipecat daripada parti,

Muhyiddin berkata, keputusan itu adalah hak parti terbabit dan pihaknya tidak boleh campur tangan. Bagaimanapun katanya, pemecatan itu perlu dimaklumkan kepada pucuk pimpinan kerana ia juga membabitkan ahli jemaah Menteri. "Itu (pemecatan) dibuat oleh pihak parti, kita di luar tidak boleh campur urusan dalam parti, asas atau sebab langkah tindakan pemecatan itu, tetapi elok juga kita diberitahu sebab Murugiah adalah ahli dalam jemaah menteri dan tentunya Perdana Menteri pun nak tahu. "Apa asas (pemecatan) kita tiada tiada hak untuk mempertikaikan. Dia (Murugiah) adalah timbalan menteri jadi lebih elok parti memberitahu Perdana Menteri asas itu supaya kita tahu kedudukan," katanya.

19 Mei 2009 (Selasa)

Selatan: RM1.5j pulihara Sungai Sebulong

Oleh Mohd Zin Ali mdzin@nstp.com.my



MOHD NAIM (tengah) menggunakan teknologi mikro organisme berkesan (EM) pulih Sungai Sebulong di Kampung Melayu Majidee.

JOHOR BAHRU: Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk projek fasa kedua pemuliharaan Sungai Sebulong di Kampung Melayu Majidee, di sini membabitkan penggunaan teknologi mikro organisme berkesan (EM) di kawasan sepanjang 300 meter sungai berkenaan. Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Mohd Naim Nasir, berkata program itu diteruskan selepas mendapati kejayaan program fasa pertama memulihara Sungai Sebulong yang dilaksanakan sejak 2006 lalu menunjukkan hasil sangat memuaskan.

Beliau berkata, projek fasa pertama membabitkan kawasan sepanjang 500 meter dengan kos sebanyak RM1 juta itu adalah satu projek kemasyarakatan MBJB dengan kerjasama masyarakat setempat iaitu penduduk Kampung Melayu Majidee. "Saya menganggap projek ini sangat berjaya kerana ia dapat mengubah landskap kampung yang suatu ketika dulu kotor dengan sikap penduduk kampung yang suka membuang sampah ke dalam sungai kini bertukar menjadi satu kawasan yang lebih bersih dengan penduduknya lebih prihatin kepada aspek kebersihan. "Selain penduduk kampung juga menjadi lebih bersatu, projek pemuliharaan Sungai Sebulong juga berhasil meningkatkan kualiti sungai daripada Kelas Lima kepada Kelas Tiga," katanya ketika ditemui di Kampung Melayu Majidee di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas memberikan penerangan mengenai kejayaan projek pemuliharaan Sungai Sebulong yang dilaksana MBJB sebagai sebahagian daripada Program Agenda Tempatan 21 (LA21) kepada rombongan lawatan kerja Dewan Bandaraya Kuching Utara, Sarawak. Mohd Naim berkata, ketika ini, pihaknya gembira projek fasa kedua yang

dilaksanakan sejak Isnin lalu di bahagian hulu projek fasa pertama itu mendapat sambutan memberangsangkan di kalangan penduduk yang tinggal di sepanjang sungai berkenaan membabitkan kira-kira 50 rumah. "Saya percaya pemuliharaan yang dilakukan membabitkan kawasan sepanjang kira-kira satu kilometer itu kelak mampu membawa perubahan senario di kawasan sepanjang sungai itu dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk kampung, Roslilawati Ibrahim, 35, berkata sejak penggunaan teknologi EM diperkenalkan di kampung berkenaan oleh MBBJ, masalah pembuangan sampah dan sisa makanan ke dalam sungai kini dapat diatasi sepenuhnya. Beliau berkata, penduduk kampung kini sudah menyedari mengenai pentingnya penjagaan kebersihan persekitaran serta bahan buangan berkenaan boleh dijadikan bahan bermanfaat dengan menggunakan teknologi EM. "Suri rumah kini mampu menghasilkan bahan berguna daripada sisa air beras dan makanan dengan menggunakan teknologi EM. Kami kini boleh berjimat dengan menggunakan produk EM kerana ia dapat menyuburkan tanaman, menjadi bahan pencuci dan penghalau serangga. "Bahan EM yang dihasilkan juga dilepaskan ke dalam sungai untuk menjadikan sungai menjadi lebih bersih, tidak berbau dan sesuai untuk sebagai tempat pembiakan ikan," katanya.

Guroti Nayavikaramah, 48, berkata pemuliharaan Sungai Sebulong dengan penggunaan teknologi EM kini menjadikan kawasan berkenaan lebih bersih, tiada nyamuk dan tidak berbau seperti sebelum projek pemuliharaan itu dilakukan. "Tanaman bahan makanan di sepanjang Sungai Sebulong juga menjadi lebih subur dan memberikan hasil lebih tinggi dengan menggunakan produk EM," katanya.

20 Mei 2009 (Rabu)

Timur: Kilang Felda Bukit Sagu pembekal makanan lembu

Oleh Rosli Abdul Jalil bhnews@bharian.com.my

Pelepah kelapa sawit diproses hasil 1,200 tan pellet sebulan

KUANTAN: Kilang pelepah kelapa sawit (OPF) bernilai RM14.1 juta di Felda Bukit Sagu, dekat sini mampu membekalkan makanan untuk ternakan lembu dan kambing bagi pasaran tempatan apabila beroperasi sepenuhnya. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahmad Maslan, berkata kilang itu yang mula beroperasi sejak Julai tahun lalu kini menjadi pembekal utama makanan ternakan kepada penternak di Kuantan dan sekitarnya. "Kilang yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak itu kini mampu menghasilkan sehingga 1,200 tan makanan ternakan dalam bentuk pellet sebulan. "Jika kilang ini beroperasi pada tahap maksimum, ia mampu mengeluarkan sehingga 3,600 tan makanan ternakan," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke kilang OPF Felda Bukit Sagu dekat sini, kelmarin.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Lembing, Datuk Mohd Sohaimi Md Shah dan Pengurus Kilang, Jamil Md Yasin. Terdahulu, Ahmad dibawa melawat dan meninjau

sendiri operasi kilang terbabit yang juga satu-satunya kilang pemerosesan pelepah kelapa sawit untuk dijadikan makanan ternakan di dunia. Kunjungan itu adalah antara agenda beliau dalam Program Siri Bermalam Bersama Peneroka Felda di Felda Bukit Sagu 2.

Ahmad berkata kilang berkenaan yang diusahakan Felda dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) menggunakan teknologi Jerman dan Jepun untuk proses pengeringan dan campuran. Menurutnya, kilang berkenaan menghasilkan dua jenis makanan, iaitu pellet 100 peratus daripada pelepah dan pellet mengandungi makanan campuran bagi ternakan kambing dan lembu. "Setakat ini, kilang berkenaan tidak menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan bahan mentah pelepah kelapa sawit kerana Felda Wilayah Kuantan mempunyai ladang kelapa sawit seluas lebih 61,000 hektar meliputi 42 tanah rancangan, iaitu di Felda Bukit Sagu, Felda Bukit Kuantan dan Bukit Goh. "Tiga tan pelepah kelapa sawit mampu menghasilkan sehingga satu tan pellet makanan. "Pihak kilang membeli pelepah kelapa sawit peneroka melalui Koperasi Felda dengan harga RM65 setan," katanya.

Beliau berkata, hasil keluaran kilang juga mendapat permintaan tinggi di kalangan penternak di sekitar daerah Kuantan kerana makanan dikeluarkan bermutu tinggi serta mengandungi nutrien yang diperlukan haiwan ternakan selain setanding dengan makanan ternakan dijual di pasaran. Ahmad berkata pihak pengurusan kilang juga sedang mengadakan perbincangan peringkat terakhir dengan Kerajaan Terengganu yang berminat membeli hasil keluaran kilang terbabit. Selain itu, katanya, Felda juga sudah menghantar sampel pellet 100 peratus pelepah kepada bakal pembeli di Korea Selatan dan Kanada.

20 Mei 2009 (Rabu)

Utara: 9 peniaga kesal permohonan bantuan PMKB tidak dilayan

Oleh Rahmat Othman bhnews@bharian.com.my

Pegawai Mara Padang Terap didakwa beri alasan tiada peruntukan

KUALA NERANG: Seramai sembilan ahli Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Daerah Padang Terap, di sini, kesal apabila permohonan mendapatkan bantuan melalui Program Membasmi Kemiskinan Bandar (PMKB) tidak mendapat jawapan sejak setahun lalu. Mereka mendakwa permohonan itu diserahkan kepada pegawai Majlis Amanah Rakyat (Mara) Daerah Padang Terap pada pertengahan Jun tahun lalu. PMKB yang diumumkan kira-kira setahun lalu oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ketika itu, Datuk Noh Omar bertujuan membantu peniaga kecil terutama yang tinggal di bandar dengan bantuan sebanyak RM10,000 sebagai modal pusingan. Ahli jawatankuasa persatuan itu, Abdul Halim Saad, 51, berkata walaupun borang permohonan sudah diserahkan ke pejabat Mara Daerah Padang Terap Jun tahun lalu, status permohonan itu tidak diketahui sehingga sekarang. "Kami tidak tahu di mana silapnya tetapi yang mengecewakan, pelbagai alasan yang diberi oleh pegawai Mara, termasuk tiada peruntukan," katanya.

Beliau berkata, awal Jun tahun lalu, beliau diminta oleh pegawai Mara Daerah Padang Terap untuk mencari ahli yang berkecayaan supaya bantuan yang baru diperkenalkan ketika itu dapat disalurkan untuk membantu peniaga kecil Melayu. "Saya berjaya mengumpul sembilan ahli berkecayaan dan borang permohonan mereka dihantar ke pejabat Mara daerah pada pertengahan bulan yang sama. "Seramai 12 lagi peniaga dari daerah ini pula dicari sendiri oleh pegawai berkenaan," katanya.

Abdul Halim mendakwa, semua borang permohonan disemak oleh pegawai Mara berkenaan yang turut memperakukan mereka layak menerima bantuan itu. Bagaimanapun, katanya, pada Ogos tahun lalu, 12 pemohon yang dicari sendiri oleh pegawai berkenaan sudah menerima bantuan berkenaan, manakala sembilan lagi pemohon yang dikemukakan persatuan itu tidak diketahui statusnya. "Saya sudah beberapa kali berjumpa dengan pegawai berkenaan tetapi jawapan yang diberi tidak boleh diterima seperti tiada peruntukan sedangkan program itu baru diperkenalkan oleh Kerajaan Pusat. Katanya, terdapat kira-kira 400 peniaga kecil yang berdaftar di daerah Padang Terap, tetapi hanya 21 ahli yang terpilih untuk menyertai skim itu. Seorang peniaga yang permohonannya masih belum diluluskan, Mohd Sabri Abdul Rahman, 46, berkata dia bercadang membesarkan perniagaan makanannya di sini jika mendapat bantuan berkenaan. Sementara itu, Pengarah Mara Kedah, Ahmad Rakhli Hassan, ketika dihubungi berkata, beliau akan menyiasat dakwaan itu. Katanya, Mara Kedah mendapat peruntukan RM6 juta dan semua wang berkenaan diagihkan kepada tiga jabatan lain, termasuk Projek Mikro-PBT bagi membantu peniaga kecil Bumiputera.

21 Mei 2009 (Khamis)

Kedah siasat Exco buat tuntutan elaun melampau

Oleh Nahar Tajri

ALOR SETAR: Kerajaan Kedah akan menyiasat seorang ahli Exconya yang didakwa membuat tuntutan elaun sampingan sehingga mencecah RM148,000 dalam tempoh 13 bulan sehingga Mac lalu. Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak, berkata perkara itu akan disiasat mengikut peruntukkan undang-undang sebelum tindakan selanjutnya diambil. "Saya sudah dimaklumkan mengenainya oleh seorang pegawai saya," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau diminta mengulas pendedahan seorang penulis menggelar dirinya sebagai 'penyasat persendirian' dalam laman blog kedahlanie.blogspot.com mengenai Exco itu, yang dikatakan membuat lawatan selama 219 hari termasuk 36 perjalanan ke Langkawi dengan tempoh menginap antara tiga hingga empat hari pada setiap kali lawatan. Menurut penulis itu, Exco berkenaan menerima gaji dan elaun tetap berjumlah RM16,500 sebulan tetapi pendapatan puratanya mencecah RM28,000 sebulan dengan bulan tertinggi RM34,601 dan terendah sekitar RM17,000 selepas dicampur elaun sampingan. Tuntutan elaun penginapan Exco itu sejak Mac

tahun lalu saja mencecah lebih RM25,000. Azizan berkata, jika siasatan mendapati dakwaan itu benar, kerajaan negeri akan mengambil tindakan.

22 Mei 2009 (Jumaat)

Sabah & Sarawak: Projek SESB RM149 juta tingkat bekalan elektrik

Oleh Hassan Omar hassanomar@bharian.com.my

Jaminan tenaga lebih stabil sektor industri, komersial, domestik

KOTA KINABALU: Pengguna tenaga elektrik di bandar raya ini, Lok Kawi dan Penampang bakal menikmati bekalan lebih stabil berbanding kekerapan gangguan seperti sekarang apabila Fasa Kedua Projek Luar Lingkaran Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bernilai RM149 juta siap sepenuhnya pertengahan tahun depan. Ia bakal meningkatkan bekalan tenaga kepada 132kiloVolt (kV) berbanding 66kV sekarang, sekali gus mengurangkan risiko terputus bekalan. Pengarah Urusannya, Baharin Din, berkata fasa berkenaan dimulakan Mac lalu dan dijangka siap sepenuhnya pertengahan tahun depan, membabitkan empat aspek utama yang dilaksanakan SESB melalui penswastaan. SESB menganugerahkan projek itu kepada Konsortium YBS Tenaga-Global Globe Sdn Bhd. YBS Tenaga Sdn Bhd adalah anak syarikat milik penuh Yayasan Bumiputera Sabah manakala Global Globe Sdn Bhd adalah syarikat swasta beribu pejabat di Semenanjung.

"Projek ini akan meningkatkan bekalan tenaga untuk keperluan industri, komersial dan domestik di sekitar bandar raya ini," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian Projek Luar Lingkaran antara SESB dengan konsortium berkenaan, di Pacific Sutera Harbour Resort di sini, semalam. Hadir sama, Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Maklumat negeri, Datuk Dr Yee Moh Chai; Pengerusi Yayasan Bumiputera Sabah, Datuk Mohd Lan Allani; Pengerusi YBS Tenaga Sdn Bhd, Datuk Amir Kahar Datu Mustapha; Ketua Eksekutif YBS Tenaga Sdn Bhd, Freddie Sua dan dua Pengarah Konsortium YBS Tenaga, Yusoff Pili dan Rayner Miling. Baharin berkata, projek berkenaan membabitkan pemasangan kabel bawah tanah 132kV sejauh 18 kilometer (km) dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Kepayan 132/33/11kV ke cadangan PMU Lok Kawi 132/33/11kV.

Selain itu, ia juga membabitkan pembinaan PMU Lok Kawi 132/33/11kV dan pemasangan talian penghantaran 132kV sejauh 22 km dari PMU Lok Kawi ke PMU Kolopis di Penampang 275/132kV. Ia juga bakal menyaksikan pemasangan sistem perlindungan, perhubungan dan sistem pengawal data antara PMU dan Pusat Kawalan Beban (LDC) Penampang. Sehubungan itu, katanya, SESB memerlukan kerjasama pelbagai pihak bagi membolehkan kerja pemasangan kabel bawah tanah dan talian seperti Jabatan Kereta Api Negeri Sabah (JKNS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Tanah dan Ukur dan Pejabat Daerah Papar. Sementara itu, Yee berkata, kerajaan negeri berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang menyediakan pinjaman RM149 juta untuk membolehkan anggota masyarakat di bandar raya ini dan Penampang

menikmati jaminan bekalan tenaga elektrik. Katanya, projek berkenaan bakal meningkatkan sosioekonomi anggota masyarakat berikutan bekalan tenaga yang lebih terjamin.

22 Mei 2009 (Jumaat)

Timur: 54 ZIA mampu penuhi keperluan domestik

Oleh Rosli Abdul Jalil

PEKAN: Sebanyak 54 Zon Industri Akuakultur (ZIA) di seluruh negara jika beroperasi sepenuhnya akhir tahun depan, dijangka dapat menghasilkan ikan tambahan sehingga 250,000 tan setahun, sekali gus mampu memenuhi keperluan permintaan pasaran tempatan. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan), Datuk Ahamad Sabki Mahmood, berkata pada masa ini kadar tangkapan ikan di seluruh negara ialah kira-kira 350,000 tan setahun. Katanya, ketika ini hanya 10 daripada 54 kawasan ZIA yang sudah beroperasi sepenuhnya manakala selebihnya masih di peringkat awal dan dilakukan secara berperingkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

"Kita yakin dapat mengeluarkan hasil tangkapan ikan yang dapat memenuhi permintaan pengguna apabila semua kawasan ZIA ini beroperasi sepenuhnya," katanya pada sidang media selepas majlis perjumpaan bersama Komuniti Akuakultur ZIA di Tanjung Gosong, Cherok Paloh, dekat sini, semalam. Turut hadir Pengarah Perikanan Negeri, Mohamad Mat Saman.

Ahamad berkata, antara kemudahan disediakan di kawasan yang diwartakan sebagai ZIA, termasuk pusat penetasan benih ikan, bantuan sangkar ikan dan anak ikan kepada pengusaha program berkenaan. Beliau berkata, kerajaan sudah membelanjakan lebih RM500,000 bagi menyediakan pelbagai kemudahan di ZIA Cherok Paloh yang disertai 10 pengusaha membabitkan kira-kira 300 sangkar untuk menternak ikan siakap. Katanya, kawasan ZIA itu mempunyai keluasan 248 hektar yang mampu menempatkan sehingga 1,000 sangkar ikan. "Kita akan menambah sehingga 700 sangkar ternakan ikan bagi merancakkan pembangunan komuniti akuakultur di kawasan ini serta menyediakan peruntukan lain dari semasa ke semasa," katanya.

23 Mei 2009 (Sabtu)

Sabah & Sarawak: 42 syarikat berlesen dilantik urus ladang hutan

KUCHING: Sebanyak 42 syarikat berlesen sudah dilantik untuk menguruskan pembangunan perladangan hutan di kawasan seluas 2.8 juta hektar di Sarawak setakat ini, bagi memenuhi permintaan dalam industri perkayuan di negeri ini. Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sumber, Datuk Len Talif Salleh, berkata, pemberian lesen kepada

syarikat berkenaan adalah bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk membangunkan satu juta hektar sebagai kawasan perladangan hutan sebelum 2020.

Beliau berkata, bagi memenuhi hasrat itu kerajaan memerlukan sekurang-kurangnya 30 juta anak benih pokok setiap tahun untuk memastikan ia dapat menampung keperluan permintaan dalam industri itu dari semasa ke semasa. "Setakat ini, tumpuan program perladangan hutan lebih ke arah penanaman pokok Acacia Mangium yang bukan dari spesies tempatan kerana kelebihannya membesar dengan cepat. "Walaupun spesies tempatan mempunyai banyak kelebihan seperti pasaran yang kukuh, kurang ancaman perosak, penyakit dan mesra alam sekitar, namun kita perlu beri tumpuan kepada penanaman pokok berkenaan," katanya ketika merasmikan Seminar Penilaian Daya Maju Spesies Pokok Tempatan dan Teknik Pembiakan Untuk Pembangunan Perladangan Hutan di Sarawak di Wisma Sumber Alam, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Perkayuan Sarawak, Dr Lee Hua Seng dan Timbalan Pengarah Hutan, Ali Yusop. Selain itu, Len Talif berkata, Sarawak perlu menjaga reputasi sebagai pengeluar kayu berkualiti supaya barangan yang dihasilkan menjadi produk terpilih serta diperakui dunia. Justeru katanya, adalah menjadi cabaran besar kepada penyelidik menjalankan tanggungjawab masing-masing khususnya untuk membangunkan sektor perladangan hutan dengan sumber yang produktif.

23 Mei 2009 (Sabtu)

KDN nafi tidak pantau syarikat keselamatan

Oleh Petah Wazzan Iskandar wazzan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) menafikan gagal menguatkuasakan peraturan dan pemantauan van keselamatan sehingga berlaku rompakan yang membabitkan RM8 juta baru-baru ini. Ketua Komunikasi Korporatnya, Jamilah Taib, berkata, pihaknya melakukan pemantauan rambang dari semasa ke semasa tanpa pengetahuan syarikat keselamatan bagi memastikan syarikat keselamatan sentiasa dalam keadaan siap sedia. "Syarikat keselamatan juga perlu bersikap telus memastikan tanggungjawab dengan sentiasa mematuhi syarat yang ditetapkan kementerian," katanya dalam kenyataannya di sini, semalam.

Beliau berkata, Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPK-KM) perlu memastikan peranan supaya ahlinya mematuhi piawaian prosedur operasi. "Persatuan perlu menjalankan tugasnya agar perkhidmatan 'Cash-In-Transit' sentiasa dalam keadaan yang terbaik. "KDN akan mengambil tindakan tegas termasuk menyenaraihitamkan syarikat keselamatan yang gagal mematuhi garis panduan," katanya.

Malam Isnin lalu, tiga lelaki termasuk dua bersenjata pistol melarikan lapan karung wang berjumlah RM8.24 juta selepas menyerbu sebuah van keselamatan yang berhenti di

pekarangan kompleks beli-belah Leisure Mall, Cheras dekat sini. Perompak itu bagaimana pun tidak sempat melarikan empat lagi karung yang dipercayai mengandungi kira-kira RM2 juta dari van berkenaan. Kes itu dipercayai rompakan terbesar membabitkan van keselamatan setakat ini.

Jamilah juga berkata, kementerian tetap dengan pendirian tidak akan terbabit dalam penetapan harga perkhidmatan kawalan ke-selamatan seperti yang dibangkitkan oleh PPKKM. "Ia adalah persetujuan antara pelanggan dan syarikat keselamatan yang menawarkan perkhidmatan kawalan," katanya.

PPKKM baru-baru ini mendakwa kelemahan penguatkuasaan oleh KDN antara sebab van keselamatan mudah dirompak kerana ada syarikat keselamatan mengambil jalan mudah untuk mengurangkan kos operasi. Presidennya, Shaheen Mirza Habib, berkata walaupun pihaknya menerima dua kali arahan tetap pengendalian pemindahan wang melalui van kenderaan yang mempunyai 10 garis panduan, tetapi penguatkuasaan tidak dilakukan secara serius.

25 Mei 2009 (Isnin)

Sabah&Sarawak: RM18.3j tingkat perikanan jana ekonomi nelayan

KOTA KINABALU: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyalurkan RM18.3 juta bagi melaksanakan projek pembangunan perikanan untuk masyarakat nelayan di Sabah sepanjang empat bulan pertama tahun ini. Pengerusi LKIM, Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata peruntukan itu bertujuan memajukan industri perikanan di Sabah, selaras usaha meningkatkan pendapatan nelayan dan menyumbang kepada peningkatan perolehan ekonomi negeri. Antara projek itu, katanya, ialah Pakej Rangsangan Ekonomi, Pembangunan Masyarakat dan Institusi Nelayan, Pinjaman Dana Nelayan, Program Transformasi Nelayan, Penangkapan Ikan, Akuakultur dan Pembangunan Industri Nelayan. "Penyaluran peruntukan itu membuktikan iltizam LKIM dalam usaha membangunkan industri perikanan di Sabah yang masih ketinggalan berbanding negeri lain," katanya di sini, kelmarin.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Manis, berkata masih banyak ruang dan peluang boleh dimanfaatkan LKIM dalam mengembangkan industri perikanan di Sabah. Katanya, antara pendekatan yang dilaksanakan LKIM ialah memperkenalkan program transformasi nelayan iaitu menukar kaedah menangkap ikan secara tradisional kepada kaedah moden yang lebih cekap dan menguntungkan. "Menerusi program ini, nelayan tradisional akan bergabung seramai tiga hingga empat orang dan mengusahakan sebuah bot yang lengkap dengan peralatan dan teknologi canggih. "Dengan cara ini, mereka akan keluar ke laut dalam supaya dapat menangkap banyak ikan. Tangkapan yang banyak menjanjikan pendapatan yang lumayan kepada mereka," katanya.

Setakat ini, katanya, seramai 22 kumpulan transformasi nelayan diwujudkan di Sabah dengan pembabitan 70 nelayan tradisional. "Saya menggesa kepada nelayan tradisional di negeri ini supaya memanfaatkan peluang yang disediakan oleh LKIM ini bagi mengubah masa depan mereka agar tidak lagi kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang," katanya.

25 Mei 2009 (Isnin)

Utara: 300 koperasi sekolah dapat geran RM86,106

KEPALA BATAS: Masa depan pergerakan kira-kira 300 koperasi sekolah zon utara dijangka lebih baik selepas menerima suntikan bantuan geran sebanyak RM86,106 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Sehingga Disember lalu, koperasi itu mempunyai anggota seramai 263,000 dengan modal saham RM3.11 juta dan aset RM25.52 juta. Timbalan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Md Yusuf Shamsuddin, berkata bantuan itu bagi membolehkan koperasi mencapai matlamat untuk memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar, di samping meningkatkan ilmu dan kemahiran serta peluang perniagaan.

"Koperasi sekolah zon utara mempunyai kekuatan dari segi aset dan modal yang boleh digemblengkan melalui pelbagai bentuk kerjasama terutama melalui gabungan koperasi sekolah. "Bantuan ini akan memantapkan lagi perkembangan koperasi sekolah zon utara," katanya pada majlis penutupan seminar keusahawanan dan penyampaian geran koperasi sekolah zon utara di Hotel Seri Malaysia di sini, kelmarin.

Md Yusuf berkata, bantuan geran itu penting kerana koperasi sekolah yang membabitkan penyertaan pelajar dianggap penting dalam memastikan kesinambungan gerakan koperasi di negara ini. Katanya, SKM bersama Kementerian Pelajaran dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), antara pihak yang menggerakkan peranan sektor koperasi dalam pembangunan ekonomi negara. "SKM berharap koperasi sekolah dapat berperanan dalam menyumbangkan lima peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, di samping berdaya maju serta melahirkan pemimpin yang berkarisma, berwawasan, berakhlak mulia dan prihatin kepada masyarakat," katanya.

26 Mei 2009 (Selasa)

Projek terowong air RM1.3b mula Isnin

PUTRAJAYA: Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor (PPAMPS) memasuki komponen terpenting apabila pembinaan terowong sepanjang 44.6 kilometer dari Loji Rawatan Air Skim Langat 2 di Hulu Langat, Selangor akan bermula pada Isnin ini membabitkan kos RM1.3 bilion, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui.

Beliau berkata, pembinaan terowong itu dijangka mengambil masa lima tahun dan apabila siap pada 30 Mei 2014, ia boleh membekalkan air sehingga 1,890 juta liter sehari secara aliran graviti dari Pahang ke Selangor. Katanya, PPAMPS berupaya memenuhi keperluan bekalan air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga 2025.

"Pembinaan terowong ini akan bermula dari Taman Karak, Pahang dan berakhir di Taman Perkasa, Hulu Langat, Selangor. Konsortium yang mengendalikan projek ini akan memutuskan sesama mereka bagi memilih kontraktor bagi pembinaan terowong itu," katanya selepas majlis menandatangani kontrak PPAMPS di sini, semalam. Pada 22 November 2007, Selangor dan Pahang memeterai perjanjian pemindahan air mentah dari Pahang ke Selangor. Kadar harga air mentah bagi setiap liter padu ditetapkan pada 10 sen yang membolehkan kerajaan Pahang meraih pendapatan kira-kira RM80 juta setahun.

27 Mei 2009 (Rabu)

Sentral: RM30j hutang sewa rumah

Oleh Sharifah Salwa Syed Akilina salwa@bharian.com.my

Kedegilan penyewa punca DBKL gagal selenggara bangunan

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menanggung sewa tertunggak sebanyak RM30 juta akibat keengganan penyewa perumahan awam dan projek perumahan rakyat (PPR) menjelaskan bayaran sejak mula menduduki perumahan awam itu pada awal 1970-an hingga kini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Salleh Yusop berkata, kedegilan penyewa menjelaskan sewaan menyebabkan DBKL mengalami kesukaran menyelenggara dan menguruskan perumahan berkenaan. Beliau berkata, pihaknya sudah memaklumkan kepada persatuan penduduk, agensi atau badan yang ditubuhkan di kawasan perumahan itu berhubung tunggakan yang perlu dijelaskan kerana DBKL mengalami masalah pengurusan jika ia masih berterusan.

"Mereka hanya perlu membayar RM124 sebulan dan kita rasa kadar itu bukan membebankan mereka. Jika diikutkan, kos penyelenggaraan mencecah RM250 tetapi kita memberikan subsidi memandangkan kebanyakannya berpendapatan rendah. "Bagaimanapun, kadar yang ditetapkan belum dijelaskan penyewa berkenaan. Jika mereka menjelaskan sewaan kita mampu memungut antara RM60 juta hingga RM70 juta setahun," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Kehidupan Murni PPR Jelatek 2009 di sini.

Katanya, jumlah itu sepatutnya disalurkan kembali untuk kos penyelenggaraan, kebersihan, pungutan sampah selain pengindahan termasuk mengecat semula bangunan di kawasan perumahan berkenaan. "Kita mempunyai 70,000 unit perumahan awam DBKL dan daripada

jumlah itu 50,000 disewa, manakala selebihnya dijual kepada penduduk berpendapatan rendah,” katanya.

Salleh berkata, pihaknya memahami ada penyewa berpendapatan rendah dan mempunyai anak sekolah yang ramai dan jika mereka gagal menjelaskan hutang tertunggak pastinya mendatangkan kesusahan kepada mereka sekeluarga. “Jika kita mengambil tindakan mengunci unit kediaman itu pastinya akan menyusahkan mereka. Kita difahamkan, ada antara mereka yang gagal menjelaskan tunggakan hingga RM7,000. Bermakna, sejak tinggal di rumah PPR langsung tidak membayar sewa berkenaan,”. Katanya, memandangkan keadaan ekonomi masa kini, DBKL akan mencari penyelesaian bagi memastikan penyewa melangsaikan tunggakan antaranya berbincang untuk membuat pembayaran secara ansuran.

“Kita bersedia daripada membiarkan tunggakan terus berlanjutan kerana faham ada yang tidak mampu, mempunyai anak ramai serta ibu tunggal, golongan ini akan kita bantu mereka menerusi Baitulmal atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). “Bagaimanapun, ada antara mereka bukan tidak mampu tetapi ambil jalan mudah... suka bertangguh dan ada yang langsung tidak mahu membayarnya. Mereka ini akan kita ambil tindakan selanjutnya,” katanya.